

Newspaper	Berita Harian
Date	10/4/2013

2 NASIONAL

© RABU 10 APRIL 2013

BH



BH Digital
Untuk lebih gambar sila layari
subscription.nstp.com.my

Najib bersama bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, Zambray, Rosmah dan Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali pada **Majlis Makan Tengah Hari Bersama NGO Cina Perak** di Dewan Tokong Tow Boo Keong, Ipoh, semalam. (FOTO IKHWAN MUNIR/BH)

Rakyat raih manfaat sokong kerajaan: PM

BH-10/4/2013

» **Kegagalan pembangkang lunas manifesto 'tinggal janji'**

Oleh **Jalal Ali Abdul Rahim dan Shamsul Kamal Amarudin**
bhnews@mediaprima.com.my

✦ **Batu Gajah**

Rakyat bakal mendapat manfaat besar jika terus menyokong kerajaan yang mampu menterjemah semua dasar dan perancangan menjadi kenyataan, kata Da-

tuk Seri Najib Razak.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, rakyat hanya 'tinggal janji' jika percaya kepada pembangkang yang masih gagal melunaskan janji dalam manifesto pilihan raya 2008 walaupun sudah diberi peluang selama lima tahun ketika memerintah empat negeri.

Beliau memberi contoh, projek pembinaan kilang pembuatan kereta api dan lokomotif hasil pelaburan firma pembinaan lokomotif elektrik terkemuka dunia dari China, CSR ZhuZhou Electric Locomotive Company (CSR ZELC), dapat direalisasikan hasil daripada transformasi ekonomi yang dilaksanakan kerajaan.

"Inilah hasilnya bila kita menyokong kerajaan yang mampu menterjemahkan segala dasar menjadi realiti. Sebaliknya, projek ini tidak mungkin akan menjadi kenyataan tanpa dasar transformasi nasional.

"Ia membuktikan dasar kita memang berjaya dan memberi manfaat besar kepada rakyat," katanya ketika merasmikan majlis pecah tanah projek pembinaan kilang berkenaan di Kompleks Kereta Tanah Melayu Berhad (KTMB), di sini semalam.

Turut hadir isteri Perdana

Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambray Abdul Kadir dan isteri, Datin Seri Saripah Zulkifli; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Kong Cho Ha dan Naib Presiden Kumpulan CSR, Xu Zong Xiang.

Pelaburan awal RM400j

Najib berkata, projek dengan pelaburan awal RM400 juta pada mulanya mahu dilaksanakan di Lembah Klang tetapi beliau membuat keputusan dibangunkan di Perak kerana mahu memastikan negeri itu terus maju, selain dapat sinergi dengan Akademi dan Pusat Rel KTMB di sini.

"Projek ini tidak datang seperti kata pepatah 'yang bu lat datang bergolek, yang pipih datang melayang' tetapi atas dasar transformasi kerajaan yang dilaksanakan Barisan Nasional (BN) selama ini, selain hasil hubungan akrab antara Malaysia dan China," katanya.

